

26/10/1998

Kerjasama mampu elak pemulihan hadapi risiko

Saidon Idris

BELANJAWAN 1999 yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Jumaat lalu amat melegakan. Individu, tentunya menarik nafas lega kerana melainkan kenaikan dalam cukai rokok, minuman keras dan perjudian, tiada cukai barangan keperluan utama yang dinaikkan.

Sebaliknya kerajaan memansuhkan pula duti eksais beberapa barangan terpilih seperti pendingin hawa, peti sejuk dan televisyen di samping cukai pendapatan daripada unit amanah.

Bagi peniaga dan syarikat pula tarikan nafas kelegaan mereka tentunya lebih panjang kerana selain strategi belanjawan yang menjurus kepada pemulihan semula ekonomi melalui penjanaaan peluang perniagaan, insentif menarik turut disediakan kepada mereka.

Antaranya termasuk pengecualian cukai 70 peratus kepada syarikat perdagangan, pengecualian duti setem perjanjian pinjaman semula, pemansuhan duti eksais bagi barangan elektrik terpilih dan pengecualian cukai keuntungan hartanah dan duti setem bagi penggabungan institusi kewangan.

Tetapi apa yang lebih menarik lagi ialah pengecualian cukai yang akan semua nikmati pada tahun depan berikutan perlaksanaan sistem pengiraan cukai berdasarkan pendapatan tahun semasa yang akan berkuatkuasa tahun 2000.

Kepada institusi perbankan pula, pengecualian 50 peratus daripada pendapatan faedah di bawah akaun faedah tertunggak tentunya sesuatu yang akan meringankan beban mereka.

Namun dalam menarik nafas kelegaan itu, satu perkara yang perlu difikir dan diberikan perhatian serius oleh semua pihak baik individu mahupun syarikat ialah enam risiko yang dinyatakan oleh Perdana Menteri bakal mencabar dan menggugat ekonomi negara.

Ini kerana, sejauh mana ekonomi negara dapat dipulihkan bergantung kepada setakat mana negara mampu mempertahankan atau sekurang-kurangnya mengurangkan kesan daripada risiko yang dinyatakan sekiranya ia berlaku.

Perdana Menteri dalam ucapannya berkata, walaupun prestasi ekonomi dijangka semakin pulih pada tahun depan, tetapi wujud risiko luaran yang boleh menjejaskan permintaan terhadap eksport dan ekonomi negara.

Risiko yang digariskan oleh Perdana Menteri itu ialah:

* Krisis kewangan sekarang merebak hampir ke seluruh dunia, rakan perdagangan Malaysia tidak lagi mampu membeli barangan eksport negara.

* Faktor risiko lain ialah negara yang menghadapi masalah ekonomi akan meningkatkan halangan perdagangan bagi melindungi hasil pengeluaran mereka.

* Jika krisis kewangan merebak, lebih banyak negara membangun akan memerlukan pinjaman untuk mengatasi kegawatan ekonomi. Ini akan memaksa Malaysia bersaing bagi mendapatkan pinjaman dari luar negeri pada kos yang munasabah.

* Kemungkinan Amerika Syarikat mengalami keranapan sumber kewangan atau financial meltdown. Kesan daripada keranapan sumber kewangan itu ialah negara itu menjadi pasaran yang lemah, sekali gus menjejaskan permintaan luar eksport negara.

* Laluan pemulihan ekonomi negara juga boleh terjejas kerana pengguna Jepun masih tidak yakin mengenai pemulihan ekonomi negara mereka dan ini melembapkan permintaan dari Jepun, satu-satunya pasaran besar bagi Malaysia.